

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

5hb. Oktober, 1970

Tuan,

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil: 20/1970

**Sekim Perkhidmatan yang membekalkan tangga
masuk yang berasingan bagi kelayakan2 per -
sekolahan yang berlainan.**

Berhubung dengan perkara yang tersebut di-atas, saya ada-lah di-arah menjelaskan, bahawa peratoran pelarasan gaji seperti yang terkandung dalam Pekeliling F.E.O. Bil. 41/ 1957 boleh terus di-pakai bagi sekim2 Perkhidmatan yang membekalkan tangga masuk yang berasingan bagi kelayakan-kelayakan pelajaran yang berlainan, ia-itu satu tangga masuk yang lain pula bagi chalun2 yang mempunyai kelayakan masuk yang lebeh rendah. Bagaimana pun, peratoran tersebut hendak-lah terta'alok kepada syarat dalam pekeling ini.

2. Mengikut Surat Pekeliling F.E.O. Bil: 41/1957 itu, sa-saorang pegawai yang berkhidmat di-bawah Sekim Perkhidmatan seperti yang di-sebutkan di-atas itu, boleh di-beri pelarasan gaji apabila beliau memperolehi Sijil Persekolahan semasa dalam perkhidmatan tersebut, seolah2 beliau telah masuk ka-perkhidmatan itu dengan kelayakan Sijil Persekolahan ia-itu gaji-nya boleh di-selaraskan ka-tangga yang beliau se-harus-nya berada jika beliau masuk ka-perkhidmatan tersebut dengan mempunyai kelayakan Sijil Persekolahan. Pelarasan gaji itu di - kuatkuasakan dari hari pertama dalam bulan berikut selepas beliau lulus pepereksaan Sijil Persekolahan itu.

3. Ada-lah di-tegaskan, bahawa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini, chalun2 yang memperolehi kelayakan pelajaran seperti yang di-nyatakan di-atas itu hendak-lah juga memenohi kelayakan Bahasa Melayu/Bahasa Kebangsaan yang di-sharatkan bagi Sekim Perkhidmatan yang berkaitan, sa-laras

dengan dasar pengenaaan Bahasa Melayu/Bahasa Kebangsaan yang di-tetapkan oleh Kerajaan bagi perlantekan ka-Perkhidmatan Awam, sebelum mereka itu boleh di-beri faedah pelarasan gaji seperti yang tersebut diatas itu.

4. Surat Pekeliling ini di-keluarkan bagi menggantikan Surat Pekeliling F.E.O. Bil: 41/1957 yang dengan ini di-batalkan.

Saya yang menurut perintah.

(Yang Amri Bin Kamaruddin)

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Malaysia

Ketua Setia Usaha Kementerian2.

Pengarah Besar Jabatan2 Persekutuan.

Yang Berhormat,

Setia-Usaha2 Kerajaan Negeri2 Di- Malaysia Barat.